

NKF sumbang bekalan perubatan untuk pesakit kegagalan buah pinggang

KUALALUMPUR: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) telah menyumbangkan pelbagai bekalan perubatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), termasuk gaun pembedahan, peralatan perlindungan diri (PPE) dan pelitup separuh muka, di samping 17 mesin hemodialisis, bagi memastikan pesakit buah pinggang mendapat rawatan yang teratur.

Pengerusinya, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher berkata selain itu NKF sebagai peneraju organisasi yang tidak bermotifkan keuntungan, pihaknya turut membekalkan rawatan di-

alisis kepada pesakit yang dirujuk oleh hospital kerajaan.

Beliau berkata pandemik COVID-19 telah mengakibatkan jumlah pesakit di hospital kerajaan melonjak dengan ketara, dan pihaknya melihat amat penting bagi mereka untuk bertindak balas dengan pantas bagi menangani keperluan negara di saat kritikal ini.

“Inisiatif ini adalah selaras dengan komitmen organisasi kami dalam penjagaan holistik dan meningkatkan bantuan kepada rakyat Malaysia khususnya pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang serta para petugas

kesihatan di barisan hadapan yang menempuh pelbagai cabaran ketika menjalankan tugas mereka,” jelasnya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata walau semasa pandemik sekalipun, rawatan hemodialisis masih perlu diteruskan untuk pesakit buah pinggang, yang memerlukan petugas berkemahiran memberi rawatan selama empat jam kepada pesakit, tiga kali seminggu; dan pada masa yang sama langkah-langkah pencegahan harus diambil bagi menjamin kesihatan petugas barisan hadapan dalam penjagaan kesihatan. — Bernama